

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan mengapa Pihak Berkuasa Tempatan dikecualikan dari pasukan Petugas Khas Cegah Jenayah Alam Sekitar sedangkan kebanyakan pencemaran berlaku di dalam, ataupun berpunca dari kawasan PBT.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Bagi menyelaras tindakan lebih berkesan ke atas penjenayah alam sekitar termasuk pencemaran sumber air, KASA telah menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) yang mula beroperasi secara pentadbiran pada 1 Oktober 2020. Justeru, di dalam usaha memperkasakan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan membendung pencemaran alam sekitar, Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar ditubuhkan dengan tujuan seperti berikut:

- (i) memantapkan penyiasatan sedia ada melalui pendekatan risikan dan kaedah forensik;
- (ii) menjadi pusat pengumpulan maklumat dan data bagi jenayah alam sekitar dalam membantu siasatan pencemaran;

- (iii) mencegah, membanteras dan membendung kejadian percemaran alam sekitar; dan
  - (iv) mempercepatkan tindak balas siasatan, dan mengambil tindakan undang-undang.
2. Pada masa ini, KASA mengguna pakai perjawatan dan peruntukan sedia ada dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM). Menurut anggaran KASA, sejumlah 50 pegawai tambahan adalah diperlukan yang akan ditempatkan di setiap negeri bagi mengagotai UCJAS ini. Secara keseluruhan, UCJAS akan melibatkan penempatan pegawai penguat kuasa daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Biokeselamatan. Unit ini akan bekerjasama dengan PDRM daripada aspek kepakaran siasatan, risikan dan forensik.
3. Penubuhan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar ini adalah sebagai langkah tambahan bagi penguatkuasaan sedia ada, yang bertujuan mencegah, membanteras dan membendung kes-kes pencemaran alam sekitar. Sehingga kini, keanggotaan unit ini adalah terdiri daripada Jabatan dan agensi di peringkat persekutuan sahaja iaitu JAS, PDRM, SPAN dan Jabatan Biokeselamatan.
4. Walau bagaimanapun, pihak-pihak berkenaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya akan turut dilibatkan dalam operasi yang dilaksanakan sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.